



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

YB MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERPENGALAMAN LUAS DALAM PERANCANGAN BANDAR DAN PENTADBIRAN PERNIAGAAN

PUTRAJAYA, 11 Mac 2020 – YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Haji Musa Menteri Wilayah Persekutuan dan YB Dato' Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan memulakan tugas rasmi mereka hari ini di Kementerian Wilayah Persekutuan, Menara Seri Wilayah, Presint 2, Putrajaya.

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Haji Musa, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Desa dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Pembinaan dari University College of London. Antara portfolio yang pernah disandang oleh beliau adalah Menteri Belia dan Sukan pada 1990 sehingga 1993 dan Menteri Pembangunan Luar Bandar dari 1993 sehingga 1999.

Beliau berpengalaman luas dalam aspek perancangan bandar dan merupakan ahli Institut Perancang Malaysia. Sebelum ini, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Haji Musa memulakan kerjaya Penolong Pengarah Perancang Bandar di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 1981 sehingga 1982.

Manakala YB Dato' Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu, berkelulusan Doktor Falsafah Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat dari Universiti Putra Malaysia. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan dan usahawan yang terkemuka di Malaysia sebelum berkecimpung dalam dunia politik. Pada awal kariernya, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan di Masterskill Education Group Berhad (MEGB) pada tahun 2004 dan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2005. Pada tahun 2017, beliau telah membuat keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MEGB untuk memberi tumpuan penuh kepada kerjaya politik.

KWP komited untuk memastikan Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera di bawah kepimpinan YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Haji Musa dan YB Dato' Sri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu yang berpengalaman dan berpengetahuan luas serta berkredibiliti untuk mendokong misi dan visi Kementerian Wilayah Persekutuan.

**Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
11 Mac 2020**